KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**SUKATAN PELAJARAN**
**KURIKULUM BERSEPADU**
**SEKOLAH RENDAH**

# PENDIDIKAN MUZIK

**Sukatan Pelajaran**
**Kurikulum Bersepadu**
**Sekolah Rendah**

# PENDIDIKAN MUZIK

Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
2000

Cetakan Pertama 2000
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2000

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang-mana-mana bahagian artikel,ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 110803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sukatan pelajaran pendidikan muzik.
ISBN 983-62-7110-4
1. Music study and teaching (Primary)- Malaysia
2. Music-Outlines,syllabi.etc l. Malaysia
Kementerian Pendidikan. Pusat Perkembangan Kurikulum.
372.87043

# RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut:-

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

# FALSAFAH
# PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## Kata Pengantar

Kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Penyemakan kurikulum bertujuan memantapkan Akta Pendidikan, memenuhi semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan warga Malaysia menghadapi cabaran pendidikan pada abad 21.

Kurikulum yang disemak semula memberi penekanan kepada nilai murni dan semangat patriotik bagi menyedarkan murid akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara maju dan masyarakat berilmu. Murid dididik untuk berfikir, berilmu pengetahuan luas, bertataetika tinggi, bijaksana, serta dapat menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan. Diharapkan kurikulum ini dapat melahirkan murid yang berkeyakinan dan tabah mengatasi segala rintangan dan cabaran dalam kehidupan.

Pendidikan Muzik ialah mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah. Mata pelajaran ini bertujuan memberi murid pengetahuan tentang unsur-unsur muzik, pelbagai jenis muzik, pelbagai jenis alat muzik, serta memberi murid pengalaman menghasilkan muzik yang mudah. Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah merangkumi aspek Bahasa Muzik, pengalaman muzikal, ekspresi kreatif dan penghargaan estetik.

Kementerian Pendidikan merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada setiap individu dan institusi atas sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya sukatan pelajaran ini.

**(DATO' SERI Dr. ABDUL SHUKOR BIN ABDULLAH)**
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

## PENDAHULUAN

Asas muzik iaitu irama dan pic, memang sedia terdapat dalam pertuturan dan pergerakan harian. Keadaan ini menjadikan kanak-kanak berasa senang dan memberi respon secara spontan dalam melahirkan ekspresi diri. Kecenderungan seperti ini apabila dikendalikan dengan baik, memainkan peranan yang efektif dalam proses perkembangan diri kanak-kanak.

Penglibatan secara aktif dalam aktiviti muzik yang tersusun berupaya menggalakkan perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor murid, di samping memupuk nilai sosialisasi. Dari segi kognitif, murid mendapat pengetahuan dan kefahaman konsep muzik yang asas. Bagi murid Tahap 1 khasnya, aktiviti muzik dan pergerakan bukan sahaja membantu pertumbuhan kecerdasan kinestetik malahan berperanan membantu mereka memahami konsep muzik yang abstrak. Dari aspek sosialisasi, aktiviti menyanyi, bergerak dan bermain alat muzik secara berkumpulan memberi kesempatan murid berkomunikasi dan berinteraksi dengan mengamalkan nilai-nilai murni. Di samping itu, terdapat pelbagai bentuk muzik dalam budaya masyarakat Malaysia yang harus dikenali murid sebagai warisan bangsa. Pengetahuan dan pengalaman mengenai pelbagai unsur budaya dalam muzik dapat membantu memupuk elemen jati diri dan patriotisme pada diri murid.

Untuk merealisasikan potensi kurikulum Pendidikan Muzik KBSR pelaksanaannya harus mengambil kira dan meneroka pelbagai pendekatan, strategi dan teknik yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran seperti teori Pelbagai Kecerdasan, Kajian Masa Depan, Pembelajaran Masteri, teknik Berfikir Secara Kritis dan Kreatif, dan Kemahiran Belajar.

## MATLAMAT

Pendidikan Muzik bertujuan melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang asas tentang muzik, mempunyai kemahiran minimum dalam penghasilan muzik, berpotensi dalam aspek kreativiti dan inovasi, dapat menghargai dan menikmati estetika muzik dan dapat mengamalkan nilai murni.

## OBJEKTIF

Setelah mengikuti pelajaran Pendidikan Muzik KBSR, murid dapat:

1. mengetahui dan memahami konsep unsur-unsur asas muzik dan terminologi muzik
2. mengetahui dan memahami konvensi penulisan muzik
3. membaca dan menulis notasi muzik
4. mengetahui dan memahami teknik menyanyi
5. memperkembangkan kemahiran menyanyi dengan amalan teknik yang betul
6. mengetahui dan memahami teknik bermain alat muzik
7. memperkembangkan kemahiran bermain alat muzik dengan teknik yang betul
8. memperkembangkan ekspresi diri dan daya kreatif
9. memperkembangkan daya penghargaan estetik terhadap karya dan persembahan muzik
10. menghargai pelbagai jenis muzik Malaysia serta budaya yang berkaitan dengannya
11. mengamalkan nilai kerjasama dalam pasukan, sikap positif dan ingin mencuba

## ORGANISASI KANDUNGAN

Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik KBSR mengandungi program pembelajaran untuk enam tahun persekolahan iaitu dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Isi kandungannya memberi tumpuan kepada elemen pengetahuan dan kemahiran di samping mengambil kira penerapan nilai.

Kurikulum ini melihat perkembangan diri murid dari sudut penghayatan estetik dalam seni muzik. Sesuai dengan statusnya dalam struktur KBSR, mata pelajaran ini memberi tumpuan kepada peranannya memperkembangkan domain efektif murid khususnya dalam bidang kesenian. Selaras dengan itu, sukatan pelajaran ini digubal untuk membimbing murid ke arah menghayati dan menikmati muzik secara intelektual.

Oleh yang demikian, kandungan sukatan pelajaran Pendidikan Muzik KBSR disusun berdasarkan aspek-aspek berikut:

i. Persepsi Estetik
ii. Pengalaman Muzikal
iii. Ekspresi Kreatif
iv. Penghargaan Estetik

Setiap aspek seterusnya diikuti dengan ceraian aspek yang mengandungi faktor-faktor yang lebih spesifik sebagai tumpuan pengajaran dan pembelajaran.

Susunan keempat-empat aspek tersebut bukanlah suatu hierarki yang tetap. Susunan sedemikian adalah semata-mata bagi kemudahan mengorganisasikan kandungan sukatan pelajaran.

# KANDUNGAN

## 1. PERSEPSI ESTETIK

Pengetahuan dan kefahaman Bahasa Muzik[1].

Dalam aspek ini, murid mengetahui dan memahami konsep bagi unsur-unsur asas dalam muzik dan selanjutnya berkebolehan membaca, menulis dan menganalisis muzik. Untuk mencapai tujuan itu murid mendengar, mengajuk, merasa, memberi respon, membuat lakuan, menyanyi, memainkan alat muzik, membaca dan menulis.

### 1.1 Irama

1.1.1 Detik, Tekanan dan Meter

Detik

Pembahagian meter: $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$ $\frac{6}{8}$

Tekanan: *tekanan detik dalam meter* $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$ $\frac{6}{8}$

1.1.2 Tempo

Pelbagai tempo : *lambat; cepat; sederhana.*

1.1.3 Nilai not dan nilai tanda rehat

Nilai not : *semibrif; minim bertitik; minim; krocet; kuaver; semi kuaver*

Nilai tanda rehat: *semibrif; minim; krocet; kuaver.*

1 : *Unsur muzik, istilah, konvensi notasi muzik*

1.1.4 Corak irama

Corak irama pada rentak: *mac; waltz; masri; zapin; inang; joget; sumazau.*

Corak irama pada ostinato: *ostinato irama.*

## 1.2 Melodi

1.2.1 Pic

Aras pic: *pic tinggi; pic rendah.*

Jenis pergerakan pic: *menaik; menurun; mendatar; bertangga; melompat.*

Solfa: *do re mi fah soh lah ti do' re'.*

1.2.2 Skel

Skel diatonik: *major; minor harmonik.*

1.2.3 Warna ton

Warna ton pelbagai sumber bunyi: *suara; alat muzik; perkusi badan; bahan improvisasi*[2]*; bunyi alam sekitar.*

1.2.4 Harmoni

Jenis iringan dalam harmoni: *melodi kaunter; dron; ostinato melodi.*

2 : *Benda-benda yang digunakan sebagai alat untuk menghasilkan bunyi*

1.2.5 Tekstur

Deskripsi tekstur dalam muzik solo dan muzik berkumpulan: *tebal; nipis.*

Jenis lapisan suara dalam tekstur: *melodi kaunter; dron.*

1.2.6 Bentuk

Pembinaan bentuk : *frasa.*

Jenis bentuk muzik: *AB; ABA.*

## 1.3 Ekspresi

1.3.1 Dinamik

Aras dinamik: *lembut; kuat.*

Perubahan dinamik: *beransur lembut; beransur kuat.*

1.3.2 Mud

Deskripsi mud dalam muzik: *riang; sedih; bersemangat;* cemas; takut; tenang.

## 1.4 Sistem notasi

1.4.1 Lambang not muzik dan tanda rehat

Not muzik: 𝅝 𝅗𝅥. 𝅗𝅥 ♩. ♩ ♪ 𝅘𝅥𝅯

Tanda rehat: 𝄻 𝄼 𝄽 𝄾

1.4.2 Tanda isyarat dan istilah

| | | | |
|---|---|---|---|
| *baluk* |  | *tekanan* | > |
| *garis bar* |  | *staccato* |  |
| *klef trebel* |  | *harkat* |  |
| *ulangan* |  | *kaitan* |  |
| *frasa* |  | *fermata* | |
| *piano* | ***p*** | *tanda kromat* |  |
| *forte* | ***f*** | *ansur lembut* |  |

## 2. PENGALAMAN MUZIKAL[3]

Pengetahuan dan kemahiran asas dalam nyanyian dan permainan alat muzik.

Dalam aspek ini murid melibatkan diri dalam aktiviti nyanyian dan permainan alat muzik. Murid membina kemahiran menyanyi dan bermain alat muzik mengikut teknik yang betul secara amali.

### 2.1 Pengetahuan teknik

2.1.1 Teknik dalam nyanyian: *postur; pernafasan; pengeluaran* ton; sebutan.

2.1.2 Teknik dalam permainan perkusi: *postur; cara memegang; cara memainkan.*

2.1.3 Teknik dalam permainan rekoder*: postur; pernafasan; penjarian; penglidahan; penghasilan ton.*

2.1.4 Kriteria persembahan : *keseimbangan; kesepaduan; koordinasi; etika.*

### 2.2 Pengalaman muzik

2.2.1 Menyanyi: *menyanyi pelbagai jenis lagu terdiri daripada lagu kanak-kanak, lagu patriotik, lagu budaya masyarakat Malaysia.*

2.2.2 Memainkan alat perkusi: *memainkan alat perkusi ringan; dram getar[4]; dram tenor; dram bes bagi mengiringi nyanyian atau muzik instrumental.*

*3: Perkara yang ada kaitan dengan penghasilan muzik.*
*4: Dram yang mempunyai gegetar.*

2.2.3 Memainkan rekoder*: (a) memainkan not*



*(b) memainkan rekoder bagi mengiringi nyanyian atau muzik instrumental.*

## 3. EKSPRESI KREATIF

Menyatakan persepsi, perasaan dan idea kreatif.

Dalam aspek ini murid meluahkan fikiran dan perasaan kreatif melalui aktiviti meneroka, mengimprovisasi dan membuat ciptaan berasaskan bunyi. Murid memilih, mengubah, memodifikasi, mengadaptasi, menyusun atur dan membentuk bahan muzik.

### 3.1 Penerokaan

Pengalaman menemui: *meneroka pelbagai bunyi.*

### 3.2 Improvisasi

Pengalaman kreatif: *mengimprovisasi lirik, corak irama, dan melodi*

### 3.3 Reka Cipta

Pengalaman kreatif: *mereka cipta corak irama.*

## 4. PENGHARGAAN ESTETIK

Memberi pendapat terhadap hasil karya dan persembahan muzik masyarakat Malaysia dan menyatakan budaya yang berkaitan dengannya secara lisan dan bertulis.

Dalam aspek ini murid menghayati dan meletak nilai terhadap bahan muzik dan persembahan. Murid mendengar, merasa, mengecam, mengenalpasti, membanding beza, mengklasifikasi, menganalisis, menghuraikan, berkongsi pandangan dan berbincang secara lisan dan bertulis.

### 4.1 Nyanyian

Memberi respon kepada pelbagai aspek tentang karya atau persembahan muzik vokal seperti konsep muzik (irama, melodi, bentuk, ekspresi); fungsi muzik ( perayaan, tarian, upacara); dan teknik persembahan.

Pelbagai muzik vokal: *nyanyian solo; nyanyian berkumpulan; nyanyian dua lapisan suara.*

### 4.2 Muzik instrumental

Memberi respon kepada pelbagi aspek tentang karya atau persembahan muzik instrumental seperti konsep muzik (irama, melodi, bentuk, ekspresi); fungsi muzik (perayaan, tarian, upacara); dan teknik persembahan.

Pelbagai muzik instrumental: *solo; berkumpulan.*